

Sistem penggera kebakaran perumahan awam akan diperiksa

Langkah pastikan alat berfungsi dengan baik ketika kecemasan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua sistem penggera kebakaran perumahan awam di Wilayah Persekutuan akan diperiksa bagi memastikan alat berfungsi ketika waktu kecemasan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata Jabatan Wilayah Persekutuan akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melakukan tindakan bagi mengenal pasti tahap kesediaan sistem itu.

“Itu perkara yang sepatutnya dilakukan oleh kedua-dua pihak berkenaan bagi memastikan sistem penggera kebakaran dan keselamatan berfungsi sewaktu kecemasan.

“Saya ada juga dengar semalam (kelmarin) yang ada masalah dengan paip bomba, jadi kita akan bekerjasama dengan pihak bomba dan KPKT.

“Kita bimbang ketika waktu kecemasan, alat pemadam api tidak boleh digunakan kerana dalam keadaan rosak yang mungkin disebabkan pelbagai faktor, termasuk vandalisme,” katanya selepas melawat dan menyerahkan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Blok 70 Flat Sri Sabah di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Cheras, Cheras di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh serta Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul.

Ringan beban mangsa

Terdahulu, Zaliha menyerahkan sumbangan tunai RM7,300 kepada setiap keluarga yang terabit dalam kebakaran itu masing-masing RM5,000 daripada Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (RM1,000), Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak (RM1,000) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (RM300).

Dalam kejadian kira-kira jam 9 malam Ahad lalu, kebakaran itu membabitkan enam unit tingkat 17 blok 70 Flat Sri Sabah yang dihuni 11 mangsa daripada lima keluarga.

Ketika ini hanya lima mangsa



Isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Dr Zaliha mengunjungi mangsa kebakaran di Pusat Penempatan Sementara Sekolah Kebangsaan Seri Cheras, Cheras, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)



Laporan BH semalam.

ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di SK Seri Cheras, manakala 11 lagi menumpang di rumah saudara.

Zaliha berkata, DBKL juga akan menyediakan rumah sementara atau transit kepada 16 mangsa yang terabit dengan semua mereka dibenarkan mendu-

duki rumah terletak di Flat Sri Johor itu mulai hari ini.

“Bagi mangsa yang memiliki rumah sendiri, mereka dibenarkan tinggal di rumah sementara untuk tempoh enam bulan, manakala yang menyewa dibenarkan tinggal sehingga tiga tahun,” katanya.